

Untuk tokoh-tokoh lama parti UMNO Perak tubuh biro ahli2 veteran

Oleh RAJA AHMAD ZAINUDDIN

IPOH, Isnin — UMNO Perak mencatatkan sejarah politik berikutnya penubuhan sebuah lagi biro dikenali sebagai Biro Veteran.

Biro tersebut yang julung-julung kali diwujudkan oleh mana-mana Perhubungan UMNO Negeri di negara ini, khusus bagi tokoh-tokoh lama untuk terus bekerjasama bagi kepentingan parti.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh memberitahu hari ini, bahawa penubuhan biro tersebut direstui oleh Perhubungan UMNO Negeri dalam mesyuaratnya di sini Sabtu lalu.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

selaku Ketua Perhubungan UMNO Perak ketika berada di sini kerana lawatan rasmi sehari.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed yang juga Timbalan Ketua Perhubungan itu menambah, biro tersebut diwujudkan agar dapat menarik minat tokoh-tokoh lama terus mencurahkan khidmat mereka selaras dengan konsep perjuangan UMNO.

Kerjasama

Menteri Besar yakin penubuhan biro itu akan dapat menghapuskan sebarang sikap yang berpuak-puak yang boleh menjejaskan kekuatan parti.

"Kita tidak yakin dengan konsep perjuangan yang berpuak-puak dan apa yang lebih penting ialah kerjasama antara tokoh-tokoh lama

dengan pemimpin-pemimpin muda UMNO," jelasnya.

Menteri Besar sukacita dengan penglibatan dan peranan yang masih ditunjukkan oleh tokoh-tokoh lama dalam membantu menguatkan kedudukan UMNO negeri ini, walaupun mereka tidak lagi memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan.

Beliau menyebut, antara mereka yang masih memberi khidmat kepada UMNO Negeri ialah Senator Tan Sri Ghazali Jawi, Datuk Seri Ahmad Said dan Datuk Shaari Pie — ketiga-tiga bekas Menteri Besar Perak — Datuk Seri Ali Zaini, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri dan Datuk Ahmad Mahir, salah seorang orang kuat UMNO yang masih aktif.

Perjuangan mereka harus dicontohi kerana mereka bergerak cergas sejak sebelum negara

mencapai kemerdekaan hinggalah ke hari ini, kata Menteri Besar.

Sebagai contoh, katanya, Datuk Seri Ahmad, walaupun telah meletakkan jawatan Menteri Besar dalam 1970, masih tetap aktif dan sekarang menjadi salah seorang ahli jawatankuasa pentadbir UMNO Bahagian Parit Buntar dan ahli Biro Politik UMNO Negeri.

Hormat

Menteri Besar berpendapat, ahli-ahli UMNO harus menghormati pemimpin-pemimpin lama yang beliau anggap berkemampuan memberi perangsang dan pandangan yang membina bagi kepentingan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin kelak.

Biro yang baru diwujudkan itu diketuai oleh Ketua UMNO Bahagian Batang Padang, Haji Jumah bin Satar, salah seorang orang lama UMNO yang masih aktif.

Beliau dijangka akan memanggil satu mesyuarat untuk membentuk ahli-ahli jawatankuasa Bironya sedikit hari lagi.

Antara tokoh-tokoh lama yang dijangka dipanggil semula untuk bersama-sama memikul tanggungjawab itu ialah Encik Sulaiman bin Bulon, bekas Timbalan Menteri Besar Perak.

Dengan penubuhan biro tersebut, Perhubungan UMNO Negeri sekarang mempunyai sembilan biro kesemuanya.

Biro-biro Politik dan Kewangan dipengerusikan oleh Datuk Seri Haji Wan Mohamed, Biro Ekonomi Datuk Ismail Abdul Majid, Biro Pelajaran Encik Zainal Abidin bin Zin, Biro Buruh Megat Amir bin Megat Yahia, Biro Penerangan Encik Shafie Mat Saman, Biro Agama Haji Saldin Mat Piah dan Biro Kebudayaan Haji R.M. Idris.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 11957
No. Peneraanan 3770/87